

11 MAR 1998

Sulaiman-strategi

KERAJAAN TERIMA PAKAI STRATEGI KURANG IMPORT MAKANAN

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Kerajaan akan memperkenalkan tiga strategi bagi mengurangkan penggantungan bahan makanan import bernilai lebih RM11 bilion setahun berikutan krisis ekonomi sekarang, kata Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud hari ini.

Strategi itu ialah meningkatkan pengeluaran dan penggunaan produk-produk tempatan secara meluas; mendapatkan bekalan alternatif daripada sumber pembekal yang lebih murah bagi bahan makanan yang tidak boleh dikeluarkan dalam negara disebabkan faktor ekonomi ataupun agroklimatik.

Strategi ketiga ialah meneliti semula nilai permintaan dan bekalan bagi produk-produk pertanian yang diimport dan menggantikannya dengan produk yang boleh dikeluarkan secara tempatan, tertakluk kepada faktor ekonomi, iklim, daya maju projek serta jenis pengeluaran yang bermusim.

Beliau memberitahu persidangan berita di sini bahawa Jemaah Menteri hari ini bersetuju strategi-strategi itu digunapakai dan dipraktikkan ke seluruh negara membabitkan semua pihak.

Kabinet juga bersetuju untuk memasukkan strategi-strategi itu dalam Dasar Pertanian Negara yang sedang digubal, katanya.

Selain itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut mengarahkan Kementerian Pertanian supaya terus melaksanakan usaha ke arah mengekalkan minat masyarakat melibatkan diri dalam bidang pertanian sebagai langkah membantu pengurangan import barangan makanan, katanya.

Sulaiman berkata strategi-strategi itu dijangka menunjukkan hasil awalnya dalam tempoh satu tahun dan ia akan dilaksanakan melalui program-program yang telah digariskan bagi tempoh jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Program-program itu termasuk memperluaskan kawasan tanaman/pengeluaran memandangkan daripada 5.7 juta hektar yang boleh dimanfaatkan untuk pengeluaran makanan, hanya 23 peratus diusahakan setakat ini.

Beliau berkata pertambahan kawasan akan dibuat mengikut zon iaitu penanaman sayur-sayur sebanyak 10,290 hektar dan akuakultur sebanyak 29,630 hektar daripada 422,000 hektar.

Program lain yang akan dilaksanakan ialah mengalakkan penglibatan dan pelaburan sektor swasta termasuk membuat cadangan kepada Bank Negara supaya dibuat penambahan jenis pinjaman dalam Dana untuk Makanan. Sehingga ini sebanyak 1,025 permohonan bernilai RM302 juta telah diluluskan Bank Pertanian setakat ini.

Program lain termasuk mempergiatkan kecekapan pemasaran, usaha pemindahan teknologi, pembangunan sumber manusia dan pembangunan infrastruktur dan mengalakkan industri hiliran makanan serta mendapatkan sumber-sumber bekalan strategik seperti memudahkan pelaburan dan usahasama dalam pengeluaran makanan di luar negara yang berkost rendah termasuk pelaburan di kawasan pertumbuhan ASEAN.

Sulaiman berkata strategi ini dijangka dapat mengurangkan defisit sektor makanan yang pada tahun lepas berjumlah RM4.71 bilion.

Defisit itu disumbang daripada bijiran 48 peratus, gula (16 peratus) manakala bakinya ialah hasil tenusu, sayur-sayuran dan bahan makanan ternakan.

Beliau berkata strategi itu juga akan membaiki imbalan pembayaran import-eksport bahan makanan dan imput pertanian, yang pada masa ini jelas menunjukkan negara bergantung tinggi terhadap bahan yang diimport.

Tahun lepas imbalan pembayaran bahan makanan yang dieksport berjumlah

RM5.3 bilion berbanding RM10 bilion yang diimport, input pertanian yang dieksport tahun lepas berjumlah RM416.7 juta berbanding import RM1.42 billion manakala jumlah nilai import makanan termasuk makanan ternakan, tanaman dan ikan serta input pertanian berjumlah RM11.4 bilion.

Beliau berkata Malaysia mengimport makanan bernilai RM1.76 bilion dari Australia, Thailand (RM1.43 bilion), Amerika Syarikat (RM953 juta), New Zealand (RM729 juta) dan India (RM650 juta).

Mengikut trend import 1990-1997, import dari Amerika Syarikat mencatatkan pertumbuhan tahunan purata paling pesat iaitu 21.1 peratus disebabkan peningkatan penggunaan dan permintaan produk-produk makanan ternakan, katanya.

--BERNAMA

ARA NAK